KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA

STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA

KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA

1. LATARBELAKANG

Sektor perikanan di Malaysia memainkan peranan penting dari segi menyediakan pekerjaan, terutama kepada rakyat luar bandar dan sumbangan yang diberikannya bagi menentukan perkembangan ekonomi dan mungkin paling penting ialah peranannya menyediakan ikan untuk dimakan.

Pada dasarnya industri perikanan di Malaysia boleh dibahagikan kepada perikanan laut, akuakultur (ternakair) dan perairan umum. Walau bagaimanapun, perairan umum ketika ini kurang memberikan sumbangan yang nyata kepada industri perikanan. Bagi tujuan pengurusan, perikanan laut dibahagikan kepada sektor perikanan pantai dan sektor perikanan laut dalam. Akuakultur pula adalah meliputi ternakan ikan airtawar dan ternakan ikan airpayau. Ternakan airtawar dijalankan di kolam-kolam airtawar, sangkar airtawar, tangki simen dan bekas lombong. Sementara ternakan airpayau merangkumi kolam airpayau, sangkar airpayau dan ternakan moluska termasuk kerang, siput sudu dan tiram. Perikanan laut pantai telah dieksploitasikan ketahap berlebihan dan terdapat tanda-tanda yang tangkapan ikan telah sampai ketahap maksima. Walau bagaimanapun, perikanan laut dalam mempunyai potensi untuk dibangunkan. Bidang ternakair juga mempunyai masa depan yang baik untuk membangun dan berkembang. Berdasarkan kepada potensi sumber, usaha-usaha pembangunan adalah diarahkan kepada pembangunan sektor perikanan laut dalam dan akuakultur, sementara pengeluaran sektor perikanan pantai pula dikekalkan ditahap yang sama. Industri ikan hiasan pula, di tahun-tahun yang kebelakangan ini telah menunjukkan pertumbuhan yang ketara disegi pengeluaran dan eksport.

2. PROFAIL PERIKANAN

Dalam tahun 1995, jumlah pendaratan dari sektor perikanan adalah sebanyak 1,245,117 tan metrik bernilai RM3.15 bilion yang memberi sumbangan sebanyak 1.47% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK)*. Manakala dalam tahun 1994 jumlah pengeluaran dari sektor perikanan adalah sebanyak 1,181,763 tan metrik bernilai

* Laporan Bank Negara 1995

RM2.99 bilion dan menyumbang sebanyak 1.61% kepada KDNK. Terdapat peningkatan sebanyak 5.36% dari segi kuantiti jumlah pengeluaran dan 5.35% dari segi nilai jumlah pengeluaran. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sumbangan KDNK sebanyak 8.70%. Dari segi sumbangannya terhadap sektor pertanian, ia menyumbang sebanyak 19.19% dalam tahun 1995. Terdapat peningkatan sebanyak 1.80% sumbangannya keatas sektor pertanian dalam tahun 1995 berbanding tahun 1994. Dalam tahun 1994 ia menyumbang 18.85%.

Dalam tahun 1995, perikanan laut menyumbangkan sebanyak 1,108,436 tan metrik atau 89.02% daripada jumlah pengeluaran perikanan, sementara akuakultur tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan menyumbang sebanyak 132,741.69 tan metrik atau 10.66% daripada jumlah pengeluaran perikanan. Perairan umum menyumbang sebanyak 3,938.94 tan metrik atau 0.32% daripada jumlah pengeluaran. Pengeluaran ikan hiasan sebaliknya menyumbang sebanyak 253,075,201 ekor. Dari segi nilai, perikanan laut menyumbang sebanyak RM2.711 bilion atau 86.05% dari nilai jumlah pengeluaran; sementara akuakultur termasuk ikan hiasan menyumbang sebanyak RM439.55 juta atau 13.95% daripada jumlah nilai pengeluaran.

Jumlah pendaratan dari perikanan laut meningkat sebanyak 4.02% dari 1,065,585 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 1,108,436 tan metrik dalam tahun 1995. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 4.98% dari RM2.584 bilion dalam tahun 1994 kepada RM2.711 bilion dalam tahun 1995. Sementara itu jumlah pengeluaran akuakultur tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan juga meningkat sebanyak 16.32% dari 114,113.71 tan metrik dalam 1994 kepada 132,741.69 tan metrik dalam tahun 1995. Dari segi nilai, terdapat peningkatan sebanyak 7.57% dari RM365.04 juta dalam tahun 1994 kepada RM392.67 juta dalam tahun 1995. Pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 11.10% dari 227,790,460 ekor dalam tahun 1994 kepada 253,075,201 ekor dalam tahun 1995. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 12.30% dari RM43.75 juta dalam tahun 1994 kepada RM49.13 juta dalam tahun 1995. Perairan umum mengeluarkan sebanyak 3,938.94 tan metrik ikan dalam tahun 1995 berbanding dengan 2,063.90 tan metrik ikan dalam tahun 1994. Ini adalah peningkatan sebanyak 90.85% dari segi pengeluaran.

Dari segi guna tenaga, sektor perikanan di Malaysia menyediakan pekerjaan secara terus kepada 82,200 nelayan dan 18,466 penternak dan ini memberi jumlah sebanyak 100,666 guna tenaga terlibat dalam industri perikanan. Ini menyumbangkan sebanyak 1.24% dari jumlah guna tenaga kerja di negara ini. Terdapat 34,906 vesel menangkap ikan di Malaysia dan jumlah alat menangkap ikan yang dilesenkan adalah 29,152 unit. Peralatan menangkap ikan yang utama adalah pukat tunda (19.32%), pukat jerut (6.30%), pukat hanyut (56.77%) dan pancing (8.47%).

3. PERIKANAN LAUT

3.1 Nelayan

Seramai 82,200 nelayan terlibat dalam sektor perikanan laut pada tahun 1995 berbanding dengan 79,802 nelayan dalam tahun 1994 dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.00%. Peningkatan bilangan nelayan adalah disebabkan pengeluaran lesen baru kepada vesel-vesel berinjin sangkut di Semenanjung Malaysia. Penambahan jumlah bilangan nelayan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 5.38%. Kebanyakan negeri-negeri di Semenajung Malaysia menunjukkan penambahan jumlah bilangan nelayan. Johor Barat menunjukkan penambahan bilangan nelayan yang paling ketara sebanyak 35.84% diikuti oleh Pulau Pinang 25.05%, Negeri Sembilan sebanyak 12.37%, Perak sebanyak 9.58%, Terengganu sebanyak 5.51%, Johor Timur sebanyak 3.10%, Selangor sebanyak 2.43% dan Kedah sebanyak 1.90%. Walau bagaimanapun, Melaka menunjukkan penurunan sebanyak 15.78%, Kelantan 10.37%, Pahang 2.84% dan Perlis sebanyak 0.15%. Bilangan nelayan di Wilayah Persekutuan Labuan menunjukkan penurunan yang ketara sebanyak 46.19% dan Sarawak sebanyak 2.61%. Tidak ada perubahan bilangan nelayan di Sabah.

Bilangan nelayan yang bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang menggunakan peralatan komersil adalah sebanyak 33,869 orang iaitu 41.20% (23.91% nelayan diatas vesel-vesel pukat tunda dan 17.29% nelayan diatas vesel-vesel pukat jerut) dari jumlah bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen, sementara bilangan nelayan yang berkerja diatas vesel-vesel yang berlesen yang menggunakan peralatan tradisional adalah seramai 48,331 orang iaitu 58.80% dari jumlah bilangan nelayan yang bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen.

Sejumlah 6,191 kru asing telah diluluskan dalam tahun 1995 untuk bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang dilesenkan di Malaysia. Dari bilangan tersebut, sebanyak 6,046 kru asing yang telah diluluskan bekerja di Semenanjung Malaysia dan 129 di Labuan dan 16 di Sarawak. Peratusan bilangan kru asing yang telah diluluskan untuk bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan di Terengganu ialah 32.81%, Kelantan 15.85%, Pahang 13.37%, Perlis 15.10%, Labuan 2.08%, Johor Timur 7.66%, Sarawak 0.26%, Kedah 12.83%, Selangor 0.03% dan Perak 0.01%. Jumlah bilangan kru asing yang telah diluluskan untuk bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang dilesenkan di Malaysia bertambah sebanyak 9.65% (dari 5,646 orang dalam tahun 1994 kepada 6,191 orang dalam tahun 1995).

3.2 Vesel-Vesel Menangkap Ikan

Pada keseluruhannya bilangan vesel menangkap ikan meningkat dari 31,403 unit dalam tahun 1994 kepada 34,906 unit dalam tahun 1995 iaitu peningkatan sebanyak 11.15%. Peningkatan adalah disebabkan oleh peningkatan bilangan vesel-vesel menangkap ikan di Semenanjung Malaysia sebanyak 20.41% (dari 19,088 unit dalam tahun 1994 ke 22,984 unit dalamt ahun 1995). Sarawak menunjukkan penurunan sebanyak 11.58% (dari 3,041 unit ke 2,689 unit) dan Labuan sebanyak 31.54% (dari 130 unit ke 89 unit). Jumlah bilangan vesel-vesel menangkap ikan laut dalam yang dilesenkan di Malaysia pada tahun 1995 adalah sebanyak 513 unit sementara bilangannya pada tahun 1994 adalah sebanyak 520 unit.

3.3 Perkakas Menangkap Ikan

Jumlah bilangan perkakas menangkap ikan yang dilesenkan dalam tahun 1995 meningkat sebanyak 12.75% jika dibandingkan dengan tahun 1994 (dari 25,856 unit dalam tahun 1994 kepada 29,152 unit dalam tahun 1995). Bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia, jumlah perkakas menangkap ikan yang dilesenkan meningkat sebanyak 20.40% (dari 19,088 unit kepada 22,982 unit). Manakala Labuan, Sarawak dan Sabah menunjukkan penurunan jumlah perkakas menangkap ikan yang dilesenkan iaitu masing-masing sebanyak 44.03% (dari 159 unit kepada 89 unit), 12.59% (dari 3,447 unit kepada 3,013 unit) dan 2.97% (dari 3,162 unit kepada 3,068 unit).

3.4. Pendaratan Ikan Laut

Jumlah pendaratan dari tangkapan perikanan laut bertambah sebanyak 4.02% dari 1,065,585 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 1,108,436 tan metrik dalam tahun 1995. Dari segi nilai, terdapat pertambahan sebanyak 4.91% dari RM2.584 bilion dalam tahun 1994 kepada 2.711 bilion dalam tahun 1995. Walaubagaimanapun, pendaratan ikan Gred 1 dan udang turun masing-masing sebanyak 1.30% (dari 45,795 tan metrik ke 45,198 tan metrik) dan 8.12% (dari 101,748 metrik ke 93,488 tan metrik). Walaupun pendaratan ikan Gred 1 menurun, nilainya meningkat sebanyak 3.19% (dari RM368.26 juta ke RM380.03 juta). Nilai udang juga menurun sebanyak 0.77% (dari RM677.27 juta ke RM672.07 juta). Kumpulan ikan yang lain iaitu ikan Gred II dan Gred III, ikan baja dan kerang-kerangan menunjuk peningkatan dalam pendaratan. Dari segi nilai, ikan Gred II dan Gred III, dan kerang-kerangan menunjukkan peningkatan dalam nilai. Ikan baja menunjukkan kemerosotan dalam nilai. Pendaratan ikan Gred II meningkat sebanyak 3.37% (dari 26,360 tan metrik ke 27,249 tan metrik), ikan Gred III sebanyak 7.03% (dari 567,920 tan metrik ke 607,824 tan metrik), ikan baja 1.37% (dari 314,364 tan metrik ke 318,695 tan metrik) dan kerang-kerangan sebanyak 70.17% (dari 9,392 tan metrik ke 15,982 tan metrik). Dari segi nilai, ikan Gred II meningkat sebanyak 1.01% (dari RM126.71 juta ke RM128.00 juta), ikan Gred III sebanyak 8.70% (dari RM1,309.82 juta ke RM1,423.72 juta) dan kerang-kerangan sebanyak 25.46% (dari RM20.74 juta ke RM26.02 juta). Pendaratan ikan kembong dan pelaling meningkat dengan ketara dalam tahun 1995 iaitu sebanyak 32,524 tan metrik. Jumlah penambahan pendaratan ikan laut adalah 42,851 tan metrik. Penambahan pendaratan ikan kembong dan pelaling adalah 75.90% penambahan jumlah pendaratan ikan laut. Pendaratan meningkat sebanyak 34.74% (dari 93,646 tan metrik ke 126,170 tan metrik).

Keseluruhan jumlah pendaratan ikan laut bagi Pantai Barat Semenanjung Malaysia bertambah sebanyak 14.89% (dari 460,302 tan metrik kepada 528,818 tan metrik). Semua negeri di Pantai Barat, Semenanjung Malaysia kecuali Negeri Sembilan menunjukkan pertambahan pendaratan ikan laut. Bagi Pantai Timur Semenanjung Malaysia pendaratan ikan laut berkurangan sebanyak 10.51% (dari 324,772 tan metrik kepada 290,646 tan metrik). Keseluruhan negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, kecuali Pahang menunjukkan penurunan pendaratan ikan laut. Pertambahan pendaratan negeri Pahang adalah disebabkan oleh pindah pengkalan sementara vesel-

vesel dari negeri lain. Sabah dan Sarawak masing-masing menunjukkan peningkatan pendaratan sebanyak 3.83% (dari 160,328 tan metrik kepada 166,462 tan metrik), dan 3.80% (dari 95,624 tan metrik kepada 99,255 tan metrik). Labuan menunjukkan kemerosotan pendaratan ikan laut sebanyak 5.29% (dari 24,554 tan metrik ke 23,255 tan metrik).

3.4.1 Perikanan Laut Pantai

Perikanan laut pantai termasuk vesel-vesel tradisional dan vesel-vesel komersial bermuatan dibawah 70 GRT yang mengoperasikan semua jenis perkakas menangkap ikan. Perikanan laut pantai menyumbangkan sebanyak 969,814 tan metrik ikan dalam tahun 1995 iaitu 87.49% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia berbanding dengan 930,049 tan metrik iaitu 87.28% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia dalam tahun 1994. Dari segi kawasan pendaratan ikan, Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyumbangkan sebanyak 50.86% (493,268 tan metrik), Pantai Timur Semenanjung Malaysia sebanyak 24.15% (234,199 tan metrik), Sabah sebanyak 16.87% (163,675 tan metrik), Labuan sebanyak 1.96% (18,962 tan metrik) dan Sarawak sebanyak 6.16% (59,710 tan metrik) daripada jumlah pendaratan perikanan laut pantai. Dari segi nilai, perikanan laut pantai menyumbangkan sebanyak RM2,429.95 juta dalam tahun 1995 iaitu 89.64% daripada jumlah nilai pendaratan ikan laut di Malaysia. Nilai perikanan laut pantai meningkat sebanyak 4.94% (dari RM2,315.52 juta dalam tahun 1994 kepada RM2,429.95 juta dalam tahun 1995).

Jumlah pendaratan perikanan laut pantai telah bertambah sebanyak 4.28% (daripada 930,0491 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 969,814 tan metrik dalam tahun 1995). Pertambahan ini adalah disebabkan pertambahan pendaratan dari Labuan 4.57% (dari 18,134 tan metrik kepada 18,962 tan metrik), Sabah 3.91% (dari 157,517 tan metrik kepada 163,675 tan metrik) dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia sebanyak 14.20% (dari 431,932 tan metrik kepada 493,268 tan metrik). Walau bagaimanapun, terdapat penurunan pendaratan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 8.25% (dari 255,271 tan metrik kepada 234,199 tan metrik) dan Sarawak sebanyak 11.14% (dari 67,195 tan metrik ke 59,710 tan metrik) daripada jumlah keseluruhan pendaratan perikanan laut pantai.

Jadual I

Malaysia
Pendaratan dan Nilai Perikanan Laut Pantai, 1995

	Pendaratan (Tan Metrik)	Nilai (RM)
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	493,268	1,298,719,099
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	234,199	458,145,457
Semenanjung Malaysia	727,467	1,756,864,556
Sabah	163,675	453,735,758
Sarawak	59,710	169,003,418
Wilayah Persekutuan Labuan	18,962	50,341,128
Jumlah	969,814	2,429,944,860

3.4.2 Perikanan Laut Dalam

Perikanan laut dalam termasuk vesel-vesel bermuatan 70 GRT dan ke atas mengoperasikan pukat tunda, pukat jerut (kecuali pukat jerut bilis), rawai/pancing, pukat hanyut dan beroperasi di perairan melebihi 30 batu nautika dari pantai. Perikanan laut dalam menghasilkan sebanyak 138,622 tan metrik ikan dalam tahun 1995 iaitu 12.51% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia. Mengikut kawasan, Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyumbangkan sebanyak 25.65% (35,550 tan metrik), Pantai Timur Semenanjung Malaysia sebanyak 40.72% (56,447 tan metrik), Sabah sebanyak 2.01% (2,787 tan metrik), Labuan sebanyak 3.09% (4,293 tan metrik) dan Sarawak sebanyak 28.53% (39,545 tan metrik) daripada jumlah keseluruhan pendaratan perikanan laut dalam. Berdasarkan perkakas menangkap ikan, pukat tunda mendaratkan sebanyak 76.34%, pukat jerut mendaratkan sebanyak 23.51% dan rawai/pancing mendaratkan sebanyak 0.15% ikan dari perikanan laut dalam. Dari segi nilai, perikanan laut dalam menyumbangkan sebanyak RM280.96 juta dalam tahun 1995 iaitu 10.36% daripada jumlah nilai pendaratan ikan laut di Malaysia. Nilai perikanan laut dalam bertambah sebanyak 4.54% (dari RM268.77 juta dalam tahun 1994 kepada RM280.96 juta dalam tahun 1995). Berdasarkan perkakas menangkap ikan, pukat tunda menyumbangkan sebanyak 70.26% (RM197.41 juta), pukat jerut sebanyak 29.45% (RM82.73 juta) dan rawai/pancing sebanyak 0.29% (RM0.82 juta) daripada jumlah nilai perikanan laut dalam.

Jumlah pendaratan perikanan laut dalam meningkat sebanyak 2.28% (dari 135,536 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 138,622 tan metrik dalam tahun 1995) iaitu pertambahan dari Pantai Barat, Semenanjung Malaysia sebanyak 25.31% dan Sarawak sebanyak 39.10%. Pendaratan ikan laut dalam Pantai Timur, Semenanjung Malaysia menunjukkan kemerosotan sebanyak 18.79%, Sabah sebanyak 0.85% dan Labuan sebanyak 33.13%.

Jadual II

Malaysia
Pendaratan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas, 1995
(Kuantiti Dalam Tan Metrik)

	Pukat Tunda 70 GRT & Lebih	Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih	Rawai/ Pancing 70 GRT & Lebih	Jumlah
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	27,604	7,946	0.00	35,550
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	35,543	20,904	0.00	56,447
Semenanjung Malaysia	63,147	28,850	0.00	91,997
Sabah	0.00	2,657	1.30	2,787
Sarawak	39,545	0.00	0.00	39,545
Wilayah Persekutuan Labuan	3,131	1,084	78	4,293
Jumlah	105,823	32,591	208	138,622

Jadual III

Malaysia
Nilai Pendaratan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas, 1995
(Nilai Dalam RM)

	Pukat Tunda 70 GRT & Lebih	Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih	Rawai/ Pancing 70 GRT & Lebih	Jumlah
Pantai Barat Semenanjung Malaysia	51,493,998	20,171,720	0.00	71,665,718
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	66,303,839	53,066,907	0.00	119,370,746
Semenanjung Malaysia	117,797,837	73,238,627	0.00	191,036,464
Sabah	0.00	6,745,062	510,820	7,255,882
Sarawak	73,769,387	0.00	0.00	73,769,387
Wilayah Persekutuan Labuan	5,840,737	2,751,843	306,492	8,899,072
Jumlah	197,407,961	82,735,532	817,312	280,960,805

4. TERNAKAIR

4.1 Penternak

Sejumlah 18,466 penternak terlibat dalam sektor ternakair dalam tahun 1995 berbanding dengan 18,143 penternak dalam tahun 1994 yang menunjukkan pertambahan sebanyak 1.58%. Seramai 14,217 penternak terlibat didalam ternakan dalam kolam airtawar, 236 didalam bekas lombong, 883 didalam ternakan sangkar airtawar, 323 didalam ternakan dalam tangki simen airtawar, 1,010 didalam ternakan kolam airpayau, 1,182 didalam ternakan sangkar airpayau, 269 didalam ternakan kerang, 171 didalam ternakan kupang dan 175 didalam ternakan tiram pada tahun 1995.

4.2 Pengeluaran Akuakultur

Jumlah pengeluaran akuakultur, tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan telah meningkat sebanyak 16.32% dari 114,113.71 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 132,741.69 tan metrik dalam tahun 1995. Nilai pengeluaran juga telah meningkat sebanyak 7.65% dari RM364.70 juta dalam tahun 1994 kepada RM392.67 juta dalam tahun 1995. Manakala, jumlah pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 11.10% dari 227,790,460 ekor dalam tahun 1994 kepada 253,075,201 ekor dalam tahun 1995. Dari segi nilai, peningkatan adalah sebanyak 12.30% (dari RM43.75 juta dalam tahun 1994 kepada RM49.13 juta dalam tahun 1995).

4.2.1 Ternakan Airtawar

Jumlah pengeluaran dari ternakan airtawar merosot sebanyak 0.57% daripada 18,598.39 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 18,493.18 tan metrik pada tahun 1995. Penurunan pengeluaran ternakan airtawar adalah disebabkan kemerosotan hasil dari ternakan kolam airtawar dan bekas lombong. Dari segi nilai, terdapat pertambahan sebanyak 3.24% dari RM125.92 juta pada tahun 1994 kepada RM130.00 juta pada tahun 1995. Ternakan airtawar telah menyumbangkan sebanyak 13.93% daripada jumlah pengeluaran akuakultur dalam tahun 1995 dan dari segi nilai ianya menyumbangkan sebanyak 33.30% dari jumlah nilai akuakultur pada tahun 1995.

Pengeluaran dari ternakan kolam airtawar adalah yang tertinggi pada tahun 1995, menyumbangkan sebanyak 76.89% (14,220.13 tan metrik) diikuti oleh pengeluaran dari bekas lombong yang menyumbangkan sebanyak 8.84% (1,633.93 tan metrik), ternakan dalam sangkar airtawar menyumbang sebanyak 8.29% (1,533.79 tan metrik) dan ternakan airtawar dari tangki simen menyumbangkan sebanyak 5.98% (1,105.33 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran ternakan airtawar. Keluasan kawasan ternakan adalah seperti berikut; ternakan kolam airtawar seluas 5,366.71 hektar, ternakan di kawasan bekas lombong seluas 1,155.53 hektar, ternakan dalam sangkar seluas 79,633.17 meter persegi dan ternakan airtawar di dalam tangki simen 61,195.55 meter persegi.

Pengeluaran dari kolam airtawar dalam tahun 1995 merosot sebanyak 1.82% (dari 14,484.31 tan metrik kepada 14,220.13 tan metrik). Tetapi dari segi nilai meningkat sebanyak 2.37% (dari RM109.04 juta kepada RM111.62 juta). Tiga spesies utama yang diternak didalam kolam air tawar di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1995 ialah belut dengan pengeluaran sebanyak 2,968.57 tan metrik diikuti oleh tilapia merah dengan pengeluaran sebanyak 1,291.25 tan metrik dan ikan keli dengan pengeluaran sebanyak 986.97 tan metrik. Di Sabah, tiga spesies utama yang diternak di kolam airtawar pula ialah tilapia hitam dengan pengeluaran sebanyak 3,606.00 tan metrik diikuti oleh tilapia merah dengan pengeluaran sebanyak 1,055.00 tan metrik dan lampam jawa dengan pengeluaran sebanyak 831.00 tan metrik. Di Sarawak, tiga spesies utama ternakan kolam airtawar ialah tilapia merah dengan pengeluaran sebanyak 162.29 tan metrik diikuti oleh jelawat dengan pengeluaran sebanyak 162.21 tan metrik dan lampam jawa dengan pengeluaran sebanyak 81.14 tan metrik. Purata pengeluaran ternakan kolam airtawar dalam tahun 1995 adalah sebanyak 2.65 tan metrik/hektar/tahun.

Jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan airtawar dalam bekas lombong merosot sebanyak 6.48% (dari 1,747.21 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 1,633.93 tan metrik dalam tahun 1995) tetapi dari segi nilai ia menurun sebanyak 7.11% (dari RM5.91 juta kepada RM5.49 juta). Kemerosotan pengeluaran disebabkan oleh purata pengeluaran menurun daripada 1.61 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1994 kepada 1.41 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1995. Tiga spesies utama ternakan airtawar dalam bekas lombong ialah kap kepala besar yang menyumbangkan sebanyak 27.53%

(449.86 tan metrik), tilapia merah yang menyumbangkan sebanyak 26.90% (439.59 tan metrik) dan kap rumput yang menyumbangkan sebanyak 15.91% (259.92 tan metrik) dari jumlah pengeluaran keseluruhan speses yang diternak dalam bekas lombong.

Jumlah pengeluaran dari sangkar airtawar telah meningkat sebanyak 8.54% (dari 1,413.06 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 1,533.79 tan metrik dalam tahun 1995). Peningkatan pengeluaran adalah disebabkan oleh peningkatan kawasan ternakan. Kedapatan pertambahan luas kawasan ternakan dari 56,796.41 meter persegi dalam tahun 1994 kepada 79,633.17 meter persegi dalam tahun 1995. Purata pengeluaran menurun dari 24.88 kg/meter persegi/tahun dalam tahun 1994 kepada 19.26 kg/meter persegi/tahun dalam tahun 1995. Tiga spesies utama ternakan adalah tilapia merah yang menyumbangkan sebanyak 60.86% (933.45 tan metrik), patin (*Pangasius pangasius*) yang menyumbangkan sebanyak 28.31% (434.28 tan metrik) dan baung (*Mystus nemurus*) yang menyumbangkan sebanyak 5.05% (77.38 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan sangkar airtawar.

Jumlah pengeluaran keseluruhan ternakan airtawar dari tangki simen telah meningkat sebanyak 15.89% (dari 953.81 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 1,105.33 tan metrik dalam tahun 1995). Peningkatan ini disebabkan pertambahan luas kawasan ternakan. Luas kawasan ternakan telah meningkat sebanyak 26.79% (dari 48,263.63 meter persegi kepada 61,195.55 meter persegi). Purata pengeluaran merosot dari 19.76 kg/meter persegi/tahun dalam tahun 1994 kepada 18.06 kg/meter persegi/tahun dalam tahun 1995. Nilai telah meningkat sebanyak 16.84% (dari RM3.80 juta kepada RM4.44 juta). Dua spesis utama yang diternak adalah tilapia merah yang menyumbangkan sebanyak 85.54% (945.45 tan metrik) dan keli yang menyumbangkan sebanyak 10.68% (118.07 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran ternakan tangki simen.

4.2.2 Ternakan Airpayau

Jumlah pengeluaran ternakan airpayau meningkat sebanyak 19.61% dari 95,515.32 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 114,248.51 tan metrik dalam tahun 1995. Peningkatan pengeluaran ini adalah dari pengeluaran kerang, ternakan kolam airpayau dan ternakan tiram. Pengeluaran ternakan kolam airpayau meningkat sebanyak 12.91% (daripada 6,559.88 tan metrik kepada 7,406.97 tan metrik). Ternakan kerang meningkat sebanyak 21.79% (daripada 82,335.04 tan metrik kepada 100,275.76 tan

metrik) dan ternakan tiram meningkat sebanyak 16.82% (daripada 22.35 tan metrik kepada 26.11 tan metrik). Pengeluaran ternakan sangkar airpayau dan siput sudu menurun. Pengeluaran siput sudu menurun sebanyak 19.75% (dari 969.24 tan metrik kepada 777.80 tan metrik) dan pengeluaran dari sangkar airpayau menurun sebanyak 2.36% (dari 5,628.81 tan metrik kepada 5,761.87 tan metrik). Dari segi nilai ternakan airpayau meningkat sebanyak 9.84% (dari RM239.13 juta dalam tahun 1994 kepada RM262.67 juta dalam tahun 1995).

Keluasan kawasan ternakan adalah seperti berikut; ternakan kolam airpayau seluas 2,623.44 hektar, ternakan sangkar airpayau seluas 715,152.25 meter persegi, ternakan kerang seluas 4,752.51 hektar, ternakan siput sudu seluas 62,029.75 meter persegi dan ternakan tiram seluas 83,317.96 meter persegi .

Dalam tahun 1995 pengeluaran kerang adalah yang tertinggi sekali diantara pengeluaran ternakan airpayau dengan menyumbang sebanyak 87.77% (100,275.76 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan airpayau. Manakala pengeluaran ternakan kolam airpayau menyumbang sebanyak 6.48% (7,406.97 tan metrik), sangkar airpayau sebanyak 5.05% (5,761.87 tan metrik), siput sudu sebanyak 0.68% (777.80 tan metrik) dan tiram sebanyak 0.02% (26.11 tan metrik). Walau bagaimanapun, dari segi nilai ternakan kolam airpayau menyumbangkan nilai yang paling tinggi diantara ternakan airpayau yang lain iaitu sebanyak 52.88% (RM137.70 juta) diikuti dengan ternakan sangkar airpayau sebanyak 31.75% (RM82.68 juta), kerang 15.11% (RM39.36 juta), siput sudu 0.16% (RM0.41 juta) dan tiram 0.10% (RM0.26 juta).

Spesis utama yang diternak di dalam kolam airpayau masih lagi udang harimau dengan pengeluaran sebanyak 90.63% (6,712.71 tan metrik) daripada jumlah keseluruhan ternakan kolam airpayau. Lain-lain spesis ternakan ialah udang putih, siakap, jenahak, ketam dan lain-lain spesis dengan jumlah pengeluaran sebanyak 9.37% (694.26 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan kolam airpayau. Adalah diperhatikan bahawa pengeluaran udang harimau meningkat sebanyak 15.94% (dari 5,789.46 tan metrik kepada 6,712.17 tan metrik). Purata pengeluaran juga telah meningkat dari 2.68 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1994 kepada 2.82 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1995. Luas kawasan ternakan pada masa yang sama

telah bertambah sebanyak 7.20% (dari 2,447.34 hektar kepada 2,623.44 hektar). Bagi tahun 1995 julat purata pengeluaran paling minima adalah sebanyak 1.03 tan metrik /hektar/tahun dan tahap paling maksima sebanyak 10.32 tan metrik/hektar/tahun.

Pengeluaran dari kolam airpayau telah meningkat di semua negeri kecuali negeri Perlis dan Kedah. Pengeluaran bagi negeri Pahang meningkat sebanyak 125.04% (dari 347.47 tan metrik kepada 781.93 tan metrik), Sarawak sebanyak 100.04% (dari 50.00 tan metrik kepada 100.02 tan metrik), Terengganu sebanyak 51.00% (dari 54.77 tan metrik kepada 82.70 tan metrik), Melaka 26.44% (dari 49.50 tan metrik kepada 62.59 tan metrik), Kelantan 19.79% (dari 145.41 tan metrik kepada 174.19 tan metrik), Perak 16.94% (dari 1,226.15 tan metrik kepada 1,433.84 tan metrik), Negeri Sembilan 10.59% (dari 113.24 tan metrik kepada 125.23 tan metrik),Selangor 9.89% (dari 931.06 tan metrik kepada 1,023.11 tan metrik), Pulau Pinang 6.88% (dari 567.33 tan metrik kepada 606.37 tan metrik), Sabah 6.25% (dari 1,600.00 tan metrik kepada 1,700.00 tan metrik) dan Johor 5.48% (dari 793.89 tan metrik kepada 837.39 tan metrik). Manakala negeri Perlis dan Kedah sebaliknya masing-masing telah menunjukkan penurunan didalam pengeluaran dari kolam airpayau sebanyak 14.88% (dari 93.96 tan metrik kepada 79.98 tan metrik) dan 31.93% (dari 587.11 tan metrik ke 399.62 tan metrik). Ini adalah disebabkan terdapat masalah penyakit ikan dan juga alam sekitar.

Dari segi nilai pengeluaran terdapat pertambahan nilai pengeluaran ternakan kolam airpayau sebanyak 12.29%(dari RM122.63 juta kepada RM137.70 juta). Pertambahan ini adalah disumbangkan oleh pertambahan pengeluaran udang harimau iaitu peningkatan sejumlah RM19.81 juta (dari RM111.57 juta kepada RM131.38 juta). Jumlah keseluruhan nilai pengeluaran udang harimau menyumbang sebanyak 95.41% dari jumlah nilai keseluruhan pengeluaran kolam airpayau.

Tiga spesis utama ternakan didalam sangkar airpayau ialah siakap sebanyak 33.31% (1,919.18 tan metrik) diikuti oleh jenahak sebanyak 28.80% (1,659.32 tan metrik) dan kerapu sebanyak 14.47% (833.74 tan metrik). Pengeluaran siakap dari sangkar airpayau menunjukkan kejatuhan sebanyak 26.02% (dari 2,594.20 tan metrik kepada 1,919.18 tan metrik) manakala jenahak meningkat sebanyak 23.96% (dari 1,338.62 tan metrik kepada 1,659.32 tan metrik) dan kerapu menurun sebanyak 10.42% (dari 930.71 tan metrik kepada 833.74 tan metrik). Luas kawasan ternakan sangkar airpayau telah

meningkat sebanyak 5.26% (dari 679,438.75 meter persegi kepada 715,152.25 meter persegi). Jumlah pengeluaran dari sangkar airpayau telah meningkat di Pahang sebanyak 273.26% (dari 0.86 tan metrik kepada 3.21 tan metrik), Kedah sebanyak 36.08% (dari 118.08 tan metrik kepada 160.68 tan metrik), Johor sebanyak 29.60% (dari 808.90 tan metrik kepada 1,048.37 tan metrik) dan Sabah sebanyak 25.32% (dari 703.00 tan metrik kepada 881.00 tan metrik). Walau bagaimanapun, pengeluaran untuk negeri Sarawak menurun sebanyak 87.50% (dari 32.00 tan metrik kepada 4.00 tan metrik), Melaka sebanyak 51.86% (dari 8.35 tan metrik kepada 4.02 tan metrik), Kelantan sebanyak 47.82% (dari 37.18 tan metrik kepada 19.40 tan metrik), Terengganu sebanyak 44.74% (dari 7.04 tan metrik kepada 3.89 tan metrik), Selangor sebanyak 14.33% (dari 1,147.66 tan metrik kepada 983.19 tan metrik), Pulau Pinang sebanyak 5.82% (dari 1,173.36 tan metrik kepada 1,105.10 tan metrik), Perlis sebanyak 4.61% (dari 16.26 tan metrik kepada 15.51 tan metrik) dan Perak 2.70% (dari 1,576.12 tan metrik kepada 1,533.50 tan metrik). Tiada pengeluaran bagi Negeri Sembilan untuk tahun 1995 disebabkan tiada sangkar yang aktif. Jumlah keseluruhan pengeluaran dari sangkar airpayau telah meningkat sebanyak 2.36% (dari 5,628.81 tan metrik kepada 5,761.87 tan metrik). Nilai keseluruhan pengeluaran telah meningkat sebanyak 4.27% (dari RM81.46 juta kepada RM84.94 juta).

Jumlah pengeluaran kerang adalah sebanyak 100,275.76 tan metrik dalam tahun 1995 dengan nilai RM39.36 juta. Tiga negeri utama pengeluar kerang adalah Perak sebanyak 70.06% (70,256.73 tan metrik), Pulau Pinang sebanyak 15.07% (15,113.84 tan metrik) dan Selangor sebanyak 13.76% (13,799.01 tan metrik) dari jumlah pengeluaran kerang negara. Tiga negeri lain iaitu Sabah, Johor dan Negeri Sembilan yang juga mengeluar kerang menyumbangkan sebanyak 1.11% (1,106.18 tan metrik) dari jumlah pengeluaran kerang negara.

Pengeluaran siput sudu telah menurun pada tahun 1995 sebanyak 19.75% (dari 969.24 tan metrik kepada 777.80 tan metrik). Nilai pengeluaran siput sudu adalah sama iaitu RM0.41 juta. Penurunan pengeluaran siput sudu adalah disebabkan terdapat kekurangan pembekalan benih siput sudu. Negeri Johor adalah negeri utama yang mengeluarkan siput sudu pada tahun 1995. Pengeluaran siput sudu di negeri Johor menyumbangkan sejumlah 85.03% (661.03 tan metrik) daripada keseluruhan pengeluaran siput sudu di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan

pengeluaran siput sudu di negeri Johor sebanyak 22.80% (dari 856.72 tan metrik kepada 661.36 tan metrik). Sabah menunjukkan pertambahan siput sudu sebanyak 112.63% (dari 8.00 tan metrik kepada 17.01 tan metrik), Perak sebanyak 110.40% (dari 3.27 tan metrik kepada 6.88 tan metrik) dan Melaka sebanyak 62.19% (dari 39.57 tan metrik kepada 64.18 tan metrik).

Jumlah pengeluaran ternakan tiram adalah 26.11 tan metrik dalam tahun 1995 dan menunjukkan pertambahan 16.82% berbanding dengan 22.35 tan metrik dalam tahun 1994. Nilai pengeluaran ternakan tiram juga meningkat sebanyak 13.04% (dari RM0.23 juta kepada RM0.26 juta). Tiga negeri utama yang mengeluarkan tiram adalah Sabah sebanyak 39.33% (10.27 tan metrik) diikuti oleh Kedah sebanyak 30.79% (8.04 tan metrik) dan Terengganu sebanyak 11.99% (3.13 tan metrik).

4.2.3 Ikan Hiasan

Jumlah pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 11.10% dari 227,790,460 ekor dalam tahun 1994 kepada 253,075,201 ekor dalam tahun 1995. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 12.30% (dari RM43.75 juta dalam tahun 1994 kepada RM49.13 juta dalam tahun 1995). Johor masih kekal sebagai pengeluar utama ikan hiasan yang menyumbangkan sebanyak 156,847,804 ekor iaitu 61.97% dari jumlah keseluruhan pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1995. Ini diikuti oleh Perak yang menyumbangkan sebanyak 55,655,672 ekor iaitu 21.99%, Selangor menyumbangkan sebanyak 27,827,836 ekor iaitu 10.99% dan Pulau Pinang menyumbangkan sebanyak 12,649,017 ekor iaitu 4.99% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1995. Dua kumpulan utama yang dikeluarkan adalah 'Cyprinids' menyumbangkan sebanyak 39.79% (ikan Emas dan Koi 24.22%, Barb dan Danio 15.57%) dan 'Poecilids' menyumbangkan sebanyak 20.23% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan.

5. PERAIRAN UMUM

Perairan umum adalah ditakrifkan sebagai pengeluaran ikan dari sumber perairan umum iaitu sungai, tasik, bekas lombong dan empangan. Pendaratan dari perairan umum meningkat sebanyak 90.58% dari 2,063.90 tan metrik dalam tahun 1994 kepada 3,938.94 tan metrik dalam tahun 1995. Kelantan, Perlis, Pahang, Johor, Selangor dan Kedah menunjukkan peningkatan dalam pendaratan masing-masing sebanyak 131.03%, 73.74%, 59.79%, 15.12%, 11.15% dan 5.33%.

STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA

1. INTRODUCTION

The fisheries sector in Malaysia plays a significant role with regards to the provision of employment, especially in rural areas, and in the support it provides to economic growth and perhaps most importantly, however, is its role in the provision of fish as food.

